

03/04/2002

441,000 tonton Berita Perdana setiap hari

KUALA LUMPUR, Selasa - Rancangan Berita Perdana yang disiarkan TV1 pada jam 8 malam, mencatatkan purata penonton 441,000 orang setiap hari dan 517,000 pada hujung minggu.

Malah ia antara enam rancangan terbitan RTM yang disenaraikan syarikat penilaian penarafan AC Nielsen sebagai antara 10 rancangan televisyen yang mempunyai penarafan paling tinggi di Malaysia.

Difahamkan satu lagi rancangan RTM yang mempunyai jumlah penonton teramai ialah Berita Dunia.

Menteri Penerangan, Tan Sri Khalil Yaakob, berkata kajian itu membuktikan sejak akhir-akhir ini program RTM memang menarik perhatian umum, termasuk pihak pembangkang.

Katanya, sambutan di luar jangkaan itu bukan disebabkan RTM menyiarkan klip video seperti Peristiwa Memali, sebaliknya kerana ia memberikan ulasan berbeza berbanding stesen televisyen lain, terutama membabitkan hal ehwal semasa.

"Sehubungan itu, RTM akan terus meningkatkan mutu rancangannya, sama ada yang bercorak intelektual mahupun hiburan, untuk menarik lebih ramai menonton TV1 dan TV2.

"Dalam peristiwa khusus seperti pilihan raya Ketari, jumlah penonton memang berlipat ganda kerana mereka ingin mengetahui perkembangannya," katanya selepas melancarkan sambutan Hari RTM Ke-56 di Angkasapuri, di sini hari ini.

Pada majlis itu, Khalil turut melancarkan cakera padat nyanyian Tan Sri S M Salim bersama Orkestra RTM.

Mengenai hasrat menjadikan Bukit Putra (kawasan Angkasapuri) sebagai kawasan tarikan pelancong, Khalil berkata, ia selaras cadangan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, sewaktu mengadakan lawatan ke situ tidak lama dulu.

"RTM merancang menaikkan taraf kawasan sekitarnya supaya dapat dimanfaatkan oleh pelawat dan artis. Ia boleh dijadikan tempat pelawat bertemu artis atau karyawan tempatan serta melihat sesi latihan bagi rancangan yang akan diterbitkan," katanya.

(END)